

Pengurusan Sumber Manusia yang serius - Mengapa ? Bahagian 7 (a)



Dr. Ali Qassem

www.aliqasseminternational.com

Saya suka berdiri di hadapan peserta untuk mengajar, melatih, memberikan inspirasi dan membantu meningkatkan motivasi para peserta; sesungguhnya itu adalah satu kareer yang membanggakan dan penuh dengan cabaran.

Namun begitu, saya agak hairan dengan tindakan kebanyakan syarikat mengadakan program latihan tanpa memahami keperluan latihan yang sebenar. Tetapi ada juga ramai pengurus syarikat yang mempercayai program latihan adalah penyelesaian bagi masalah dan kesukaran yang dihadapi.

Pengurus seharusnya mengetahui bahawa bukan semua kesukaran, cabaran dan masalah yang dihadapi

dapat diselesaikan melalui program latihan. Tetapi satu program latihan yang dirancang rapi kemungkinan adalah penyelesaiannya. Keberkesanan program latihan yang disampaikan bergantung kepada para pengurus, penyelia dan ketua setiap bahagian.

Kebanyakan program latihan yang diadakan adalah sama ada tidak menepati kehendak organisasi atau tidak dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi. Impak program latihan adalah sangat sedikit. Dalam kebanyakan kes ini bukanlah disebabkan oleh ketidakcekapan penceramah atau tenaga pelatih.

Secara umumnya, program latihan diadakan sebagai satu usaha untuk menyelesaikan cabaran, kesukaran atau masalah. Sekiranya program latihan yang diadakan gagal membantu menyelesaikan cabaran, kesukaran atau masalah yang dihadapi, maka latihan tersebut boleh dikatakan satu pembaziran dari segi wang ringgit.

Organisasi perlu mengelakkan daripada melakukan kesilapan seperti organisasi yang lain. Organisasi perlu menangkis pemikiran kerana orang lain mengadakan program latihan, maka saya pun perlu mengikut jejak orang lain. Gunakan bajet kewangan dengan bijaksana.

Program latihan adalah satu keperluan dan sangat penting di kala kemerosotan prestasi yang berkemungkinan membawa kerugian kepada organisasi. Program latihan tersangat penting apabila prestasi kerja atau kemoralan kerja tenaga pekerja menurun.

Semua organisasi tidak kira yang mengeluarkan produk atau yang memberikan perkhidmatan, seharusnya mampu memberikan saingan dalam pasaran. Semua pelanggan mencari produk atau perkhidmatan yang bernilai. Sekiranya organisasi mampu memberikan apa yang dicarikan oleh pelanggan dan ditawarkan pada harga yang berpatutan atau kualiti yang lebih tinggi, itu merupakan satu kelebihan dalam saingan di pasaran.

Kelebihan saingan muncul apabila sesebuah organisasi mampu memberikan sesuatu yang lebih bernilai dalam saingan tersebut. Sekumpulan tenaga pekerja yang dilatih dengan cukup baik dari segi kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk mencapai matlamat organisasi boleh menjadi kelebihan saingan kepada yang lain.

Pengurusan Sumber Manusia membuat kesimpulan bahawa, "Program latihan menjadi kelebihan saingan apabila; program latihan tersebut digabungkan dengan matlamat organisasi, program latihan tersebut fokus kepada masa depan organisasi, program latihan tersebut melatih tenaga pekerja dengan pengetahuan, kemahiran dan keupayaan yang diperlukan, program latihan tersebut menggerakkan kemahiran asas untuk belajar, memperolehi dan berkongsi ilmu pengetahuan."

Semua ini akan terjadi dengan mengenalpasti keperluan latihan yang sebenar; mengetahui apa yang diperlukan oleh organisasi dan matlamat organisasi.

Penilaian dan Analisis Keperluan Latihan adalah untuk mengenalpasti jurang antara kemahiran dan keupayaan yang ada dan kemahiran yang diperlukan untuk mencapai matlamat organisasi.

Tujuan utama mengendalikan satu Penilaian dan Analisis Keperluan Latihan adalah untuk memahami atau mendapatkan gambaran situasi sebelum membuat keputusan jenis latihan yang diperlukan. Sesebuah organisasi seharusnya mengetahui tujuan dan fungsi latihan yang akan dikendalikan.

Terdapat langkah-langkah sistematik dalam proses latihan. Ianya bermula dengan memahami situasi organisasi itu sendiri dan diikuti dengan :

- Penilaian Keperluan Latihan
- Analisis
- Sediakan pelan latihan
- Nyatakan objektif latihan
- Reka program latihan
- Pilih kaedah latihan
- Siapkan pelan latihan
- Implementasikan pelan latihan
- Menilai latihan
- Merancang latihan akan datang

Bersambung...